



BAHAGIAN KAWALAN PENYAKIT
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
DISEASE CONTROL DIVISION
MINISTRY OF HEALTH, MALAYSIA
ARAS 3,4 DAN 6, BLOK E10, KOMPLEKS E, PRESINT 1,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62590, PUTRAJAYA


Tel : 03-88834527
Faks : 03-88886270

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : KKM. 100-2/2/3 JLD. 3 (98)
Tarikh : 11 Disember 2020

YBhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Noor Hisham Bin Abdullah
Ketua Pengarah Kesihatan

Melalui :

YBhg. Dato' Dr. Chong Chee Kheong
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)


DATUK DR. CHONG CHEE KHEONG
(MPM 26477)
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan
(Kesihatan Awam)
Kementerian Kesihatan Malaysia
14/12

YBhg. Tan Sri,

**KENYATAAN AKHBAR KETUA PENGARAH KESIHATAN
MALAYSIA MENGENAI SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA
DAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Bersama-sama ini dikemukakan Kenyataan Akhbar Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia berkenaan Situasi Semasa Demam Denggi, Zika dan Chikungunya di Malaysia bagi ME 49/2020 (29 November hingga 5 Disember 2020) untuk persetujuan YBhg. Tan Sri.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menandatangani amanah,


(DATUK DR. NORHAYATI BT RUSLI)
Pengarah Kawalan Penyakit
Kementerian Kesihatan Malaysia



KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA DAN CHIKUNGUNYA DI
MALAYSIA

(Bagi Minggu 49/2020 dari 29 November hingga 5 Disember 2020)

Pada minggu ke-49, sebanyak 873 kes Demam Denggi dilaporkan iaitu peningkatan sebanyak 49 kes (5.9%) berbanding 824 kes pada minggu sebelumnya. Sebanyak satu (1) kematian akibat komplikasi Demam Denggi dilaporkan pada minggu ke-49. Kumulatif kes Demam Denggi sehingga kini adalah sebanyak 87,279 kes berbanding 121,983 kes bagi tempoh sama tahun 2019 iaitu penurunan 28.4% (34,704 kes) manakala kumulatif kematian adalah sebanyak 141 kematian berbanding 171 kematian bagi tempoh sama tahun 2019 iaitu pengurangan 30 kematian (17.5%) **(Lampiran A & C)**.

Sebanyak 20 lokaliti hotspot pada minggu ke-49 berbanding 24 lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya. Sebanyak 85.0% lokaliti hotspot (17 lokaliti) dilaporkan dari Negeri Selangor diikuti masing-masing satu (1) lokaliti hotspot (5.0%) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya, Pahang serta Sabah. **(Lampiran B & D)**.


Jangkitan Chikungunya melaporkan sebanyak 33 kes pada minggu ke-49 yang mana 20 kes adalah dari Negeri Pulau Pinang, enam (6) kes dari Negeri Perak, empat (4) kes dari Negeri Melaka, dua (2) kes dari Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya dan satu (1) kes dari Negeri Kedah. Jumlah kumulatif kes Chikungunya sehingga kini adalah sebanyak 2,508 **(Lampiran E)**. Bagi surveilan Zika, sebanyak 1,779 sampel darah dan 23 sampel urin telah dijalankan saringan Zika dan kesemuanya adalah negatif Zika.

Masyarakat perlu mempunyai sikap bertanggungjawab dengan tidak membuang sampah merata-rata serta memastikan kebersihan persekitaran kekal bersih. Dasar Kebersihan Negara dibawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan juga menekankan bahawa masyarakat perlu membudayakan amalan kebersihan persekitaran bagi menjadikan Malaysia sebuah negara yang bersih serta bebas dari penyakit bawaan vektor seperti nyamuk, lipas, lalat dan tikus. Pemantauan oleh KKM mendapati tempat tumpuan awam seperti laluan pejalan kaki di premis pusat komersial menyumbang sebanyak 33% tempat pembiakan Aedes akibat dari sampah dan barang terpakai yang dibuang merata-rata. Komuniti setempat perlu menggerakkan aktiviti pembersihan di sekitar premis masing-masing dan memastikan kebersihan dilestarikan. Amalkan sikap mengutamakan kebersihan diri serta kebersihan persekitaran bagi memastikan kesihatan setiap individu, keluarga dan seluruh masyarakat berada pada tahap optima. **Tiada Aedes, tiada Denggi, Chikungunya, dan Zika.**




TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH
Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia


14 Disember 2020




Gambarajah 1: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi minggu ke- 48 dan ke- 49 tahun 2020



Gambarajah 2: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi sehingga minggu ke- 49 tahun 2020 dan tempoh sama tahun 2019



Gambarajah 3: Perbandingan tren kes Mingguan Demam Denggi Malaysia Tahun 2020, 2019 dan Median 2015-2019



Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot Denggi minggu ke-49 tahun 2020

**KES DEMAM DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 49/2020
(29 November hingga 5 Disember 2020)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan				Kumulatif kes demam denggi sehingga minggu 49/2020		Kumulatif kes demam denggi sehingga minggu 49/2019	
		Minggu Epid 49 (29 November – 5 Disember 2020)		Minggu Epid 48 (22 November – 28 November 2020)		Kes	Mati	Kes	Mati
		Kes	Mati	Kes	Mati				
1	Perlis	0	0	0	0	80	0	276	0
2	Kedah	5	0	1	0	757	0	1,533	6
3	P. Pinang	18	0	17	0	994	2	4,019	9
4	Perak	21	0	7	0	2,604	3	2,999	4
5	Selangor	420	0	377	1	43,215	37	67,600	54
6	WP KL & Putrajaya	106	0	104	0	10,283	7	14,725	9
7	N. Sembilan	26	1	30	0	2,816	9	2,153	10
8	Melaka	45	0	29	0	2,720	8	2,013	7
9	Johor	136	0	161	1	11,118	42	10,287	27
10	Pahang	24	0	40	0	3,110	8	2,616	8
11	Terengganu	1	0	1	0	381	0	531	3
12	Kelantan	10	0	9	0	3,824	7	5,722	8
13	Sarawak	13	0	10	0	1,475	2	2,417	4
14	Sabah	47	0	38	1	3,895	16	5,056	22
15	WP Labuan	1	0	0	0	7	0	36	0
	MALAYSIA	873	1	824	3	87,279	141	121,983	171

Lampiran D

LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 49/2020 (29 November hingga 5 Disember 2020)

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL KES	TEMPOH WABAK (HARI)
1	SELANGOR	H/Langat	Jln Impian Makmur Saujana Impian	26	83
2	SELANGOR	H/Langat	Apt Sri Ros Tmn Sepakat Indah	10	72
3	SELANGOR	H/Langat	Jln Impian Kasih Saujana Impian	24	61
4	SELANGOR	H/Langat	Apt Sri Raya Tmn Sepakat Indah	12	51
5	SELANGOR	Petaling	Tmn Serdang Jaya 3	8	50
6	SELANGOR	Petaling	Pju 3 Palm Spring Kondo 2 (D,E,F)	15	50
7	SELANGOR	Petaling	Bdr Kinrara 2 (Jln 2)	10	47
8	SELANGOR	H/Langat	Jln 4/7 Dan 4/9 C,D,E,F & H,J,K,M,N,P Sek 4 BB Bangi	11	46
9	SELANGOR	Petaling	Sek 9 (Kwarters Ipk Selangor)	14	46
10	SELANGOR	H/Langat	Kem Pga Batu 7 Cheras	18	41
11	SELANGOR	Petaling	Bdr Puteri 9 (Aseana Puteri Kondo) Blok A, B, C	12	40
12	SELANGOR	H/Langat	Seksyen 5 Bandar Sri Putra	10	39
13	SELANGOR	Petaling	Sri Pju 1a Kelana Idaman Teres	6	38
14	SELANGOR	H/Langat	Apt Seri Kamelia Tmn Sepakat Indah	10	36
15	SELANGOR	H/Langat	Jln Bm 6/A Bdr Bukit Mahkota	14	35
16	SABAH	K/Kinabalu	Kg.Tebobon	20	35
17	PAHANG	Kuantan	Rrm Kg Kolek	22	34
18	WPKL	Titiwangsa	Kampung Bandar Dalam	13	33
19	SELANGOR	Petaling	Sri Pjs 10 (Teres 5) [Jln Pjs 10/24,10/24a,10/26,10/28,10/30,10/34]	4	31
20	SELANGOR	Klang	Apartment Bayu Villa	7	31

**PECAHAN KES CHIKUNGUNYA MENGIKUT DAERAH DAN NEGERI
SEHINGGA MINGGU EPID 49/2020 (5 Disember 2020)**

BIL	NEGERI	DAERAH	BIL KES (Daerah)	BIL KES (Negeri)
1	Kedah	Baling Kota Setar Kuala Muda Kubang Pasu Kulim Pendang Sik Yan	5 3 12 3 45 2 2 3	75
2	P. Pinang	Barat Daya Timur Laut Seberang Perai Utara Seberang Perai Tengah Seberang Perai Selatan	247 812 28 48 14	1,149
3	Perak	Batang Padang Hilir Perak Hulu Perak Kampar Kerian Kinta Kuala Kangsar Larut, Matang & Selama Manjung Muallim Perak Tengah	61 1 4 165 1 596 72 113 14 2 2	1,031
4	Selangor	Hulu Langat Klang Gombak Petaling	11 3 1 2	17
5	WPKL & P	Kepong Titiwangsa Cheras	3 1 2	6
6	Johor	Muar Johor Bahru Segamat	22 3 1	26
7	Pahang	Bera Cameron Highland	1 1	2
8	Kelantan	Bachok Kota Bharu Kuala Krai Machang Tanah Merah Tumpat	5 109 3 3 2 30	157

		Pasir Mas	3	
		Pasir Puteh	2	
9	Sabah	Kota Kinabalu	1	1
10	Perlis	Kangar	1	1
11	Melaka	Melaka Tengah	39	43
		Jasin	2	
		Alor Gajah	2	
JUMLAH			2,508	